

HARI : RABU

4/9/2019

TARIKH :

7

M/SURAT :

Kempen beli barang buatan Malaysia lebih bermakna

PUTRAJAYA 3 Sept. - Kempen membeli barang buatan Malaysia dilihat lebih efektif dan menyeluruh kerana manfaatnya lebih besar kepada negara.

Justeru, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya akan memfokus untuk menjayakan kempen itu.

"Pihak kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM20 juta daripada kerajaan untuk menjayakan kempen ini.

"Asal rakyat Malaysia yang menghasilkan barang, kementerian akan bantu mempromosikan kempen barang

buatan Malaysia yang jauh lebih bermakna untuk rakyat dan negara," katanya selepas Majlis Pelancaran Food Bank Master Malaysia 2019 di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai usaha kempen membeli barang buatan Malaysia yang digerakkan susulan inisiatif kempen utamakan produk Muslim sejak kebelakangan ini.

Kempen utamakan produk Muslim dilihat menerima sokongan khu-susnya dalam kalangan masyarakat Melayu dan bumiputera tetapi mendapat bantahan pelbagai pihak termasuk dalam kalangan anggota Jemaah Menteri.



SAIFUDDIN
NASUTION ISMAIL